

**VIEWS ON ISLAMIC ACCOUNTS FOR FOREX ONLINE TRADING:
LITERATURE ANALYSIS**

**PANDANGAN HUKUM TERHADAP AKAUN ISLAMIK BAGI PERDAGANGAN FOREX
ATAS TALIAN: ANALISIS LITERATUR**

Hanisah Muhamad Radzi ⁱ & Muhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh ⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia. nessaradzi@gmail.com

ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia. aunm25@usim.edu.my

Received: 29 July 2024

Article Progress
Revised: 28 October 2024

Accepted: 19 November 2024

Abstract	<p><i>Foreign currency trading or known as forex online is now becoming trending. Artists, social media influencers also promote this trade on their social media accounts. It attracts many young people to participate in this trading. Based on the fatwa issued regarding the prohibition of forex on the basis of riba, in order to meet the demand of muslim traders they offer forex accounts without riba or swap known as Islamic forex accounts. However, there are some Shariah issues that still arise eventhough the account has eliminated the riba element. The discussion and debate about the status of the forex account offered is getting wider. This study analyzes the views of scholars as well as potential Shariah issues arising from Islamic forex trading activities. Qualitative methods were used to achieve the objectives of the study by conducting interviews with Shariah financial experts as well as library research. The results of this study show that by simply eliminating the element of riba, it does not make the Islamic forex account fully permissible in Islam. Forex brokers must appoint Shariah advisors, who have the credibility to analyze every contract found in every transaction made by traders along with their justification. The implications of this study are generally for Muslim traders who have been in this field for a long time and traders who want to get used to the world of trading forex.</i></p> <p>Keywords: <i>Forex Islamic Account, Halal Forex, Meta Trader 4, Free Swap Account, Bay' al- Şarf.</i></p>
Abstrak	<p><i>Perdagangan matawang asing atau dikenali sebagai forex dalam talian kini semakin meluas dan menjadi ikutan anak muda masa kini. Artis, pengengaruh media sosial turut mempromosikan perdagangan ini di laman sosial mereka. Ia menarik ramai anak muda untuk menyertai aktiviti tersebut. Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan mengenai pengharaman forex atas dasar riba maka syarikat broker berlumba-lumba untuk menawarkan akaun forex tanpa riba atau dikenali sebagai akaun forex Islamik. Namun begitu, terdapat beberapa isu Syariah yang masih timbul meskipun akaun tersebut telah menghapuskan elemen riba. Beberapa cendekiawan Islam menggariskan elemen yang perlu dipatuhi untuk menjadikan perdagangan tersebut patuh Syariah.</i></p>

	<p><i>Perbincangan dan perdebatan mengenai status akaun forex yang ditawarkan tersebut semakin meluas. Kajian ini menganalisis pandangan cendekiawan serta isu Syariah yang berpotensi timbul dari aktiviti perdagangan forex Islamik. Kaedah kualitatif telah digunakan bagi mencapai objektif kajian dengan menjalankan temu bual bersama ahli kewangan Syariah serta kajian perpustakaan. Hasil kajian ini menunjukkan dengan sekadar menghapuskan elemen riba ia tidak menjadikan akaun forex Islamik tersebut sah sepenuhnya disisi Islam. Broker forex juga mestilah mempunyai penasihat Syariah, yang berkredibiliti untuk menganalisa setiap kontrak yang terdapat dalam setiap transaksi yang dibuat oleh pedagang bersama justifikasinya. Implikasi kajian ini secara umumnya untuk pedagang muslim yang sudah lama menceburi bidang ini dan para pedagang yang baru mahu berjinak dengan dunia perdagangan forex.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Akaun forex Islamik, Forex halal, Meta Trader 4, Akaun tanpa swap, Bay' al- Şarf</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Akademi Fiqh Islam Antarabangsa 1981 Resolusi No. 102 (5/11) telah memutuskan bahawa perdagangan forex dalam talian adalah bertentangan dengan Syariah maka hukumnya adalah haram. Pengerusi Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Tan Sri Dr. Abdul Shukor menyatakan pengharaman forex individu itu pada Februari 2012, diikuti dengan fatwa Sabah (2012), Perlis (2016), Negeri Sembilan (2018) bersetuju untuk tidak membenarkan dagangan forex dalam talian kerana urusan niaga itu melibatkan barangan ribawi (iaitu mata wang) dan dari perspektif fiqh perdagangan mata wang adalah tertakluk kepada hukum *bay' al-şarf* (kontrak pertukaran mata wang yang memerlukan terma dan syarat tertentu).

Isu perdagangan forex dalam talian kini diperdebatkan secara meluas berikutan kewujudan akaun forex Islamik yang disediakan oleh broker. Memandangkan penduduk muslim mewakili satu perempat daripada penduduk dunia dan pasaran yang cukup besar, banyak broker forex mula menyedari kepentingan untuk memenuhi keperluan pedagang muslim bagi isu yang timbul perdagangan forex dalam talian ini. Perdagangan forex dalam talian ini masih berterusan dan diperdebatkan di kalangan ulama meskipun ianya telah ditukar kepada akaun Islamik. Pandangan pakar kewangan Islam seperti Monzer Kahf, Taqi Usmani serta Sheikh Ibnu Baaz serta ulama besar yang lain yang berbeza menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam dan justeru itu ia menuntut penjelasan daripada pakar Syariah. Terdapat pelbagai pandangan ulama dalam menentukan keharusan transaksi ini. Walau bagaimanapun, sebahagian ulama menggariskan syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi membolehkan perdagangan forex dalam talian ini dibenarkan di sisi Islam. Meskipun akaun forex tersebut didakwa patuh Syariah namun analisis secara kritikal terhadap operasi dan perdagangan akaun tersebut perlu dilakukan bagi memastikan bahawa ianya selaras dengan prinsip muamalat.

PERNYATAAN MASALAH

Perdebatan dan perbincangan mengenai status dagangan forex online tidak pernah berhenti. Terkini, iklan forex juga semakin banyak membanjiri laman Youtube, media sosial dan laman carian yang lain. Pempengaruh dan artis juga turut mempromosikan produk tersebut. Hal ini membuatkan ramai publik yang mula menyertai aktiviti tersebut tidak kurang juga dengan pelajar Insitut Pengajian Tinggi (IPT) sehingga sanggup menggunakan wang pinjaman pelajaran mereka untuk menyertai pasaran ini (Sabri, 2017). Namun begitu terdapat segelintir persoalan yang berlegar sama ada produk yang diiklan tersebut bertepatan dengan Syariah ataupun sebaliknya. Ini adalah kerana produk tersebut menggunakan nama Islamik sebagai tiket untuk membenarkan pedagang muslim menyertai mereka.

Pematuhan kepada prinsip Syariah, dilihat sebagai satu perkara yang penting untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan muslim terhadap sesuatu produk dan perkhidmatan (Rahman, 2008). Memandangkan penduduk muslim mewakili satu perempat daripada penduduk dunia dan pasaran yang cukup besar (Gul, 2022) maka kebanyakan broker mula memenuhi kehendak pedagang Muslim dengan menghilangkan elemen riba tersebut.

Walaupun cendekiawan Islam masih ragu-ragu sama ada perdagangan forex itu halal atau tidak, menurut pandangan beberapa syarikat broker forex terkenal di Malaysia yang menawarkan akaun Islamik, ia bergantung di tangan pedagang untuk menjadikan aktiviti perdagangan mereka patuh Syariah (Parmadita, 2013). Tidak kurang juga terdapat beberapa pengkaji yang berpandangan bahawa perdagangan forex adalah harus atau dibenarkan. Beberapa pengkaji menyatakan hanya spot forex yang dibenarkan di dalam Islam (Muhammad Sulhan 2008, Qusthoniah 2014, Rukmana 2022).

Menurut Omar (2015) forex Islamik hanyalah penjenamaan semula forex konvensional. Cara akaun forex Islamik dipasarkan hari ini kepada pengguna dalam talian yang sinonim dengan perjudian dan walaupun dilabelkan sebagai Islamik, proses teknikal sebenar adalah sama seperti produk forex konvensional dan oleh itu tidak mematuhi prinsip Syariah. Duriat (2019) mengatakan bahawa akaun forex Islamik, walaupun produk mereka tidak seperti konvensional kerana tidak mempunyai caj namun ia tetap tidak menepati konsep Syariah. Ini adalah kerana tiada perdagangan atau pertukaran matawang yang sebenar berlaku.

Walau bagaimanapun, Nisa (2020) berkata urusan niaga dagangan forex dalam talian mesti memenuhi syarat tidak melanggar Syariah seperti jual beli barang haram dan penipuan jual beli. Maka jelas hukumnya bahawa hukum perdagangan dalam talian forex itu dibenarkan selagi tidak melanggar syariat dan merugikan orang lain.

Alam (2022) berpandangan perdagangan forex adalah sama halnya dengan jual beli pada umumnya dan tatacara perdagangan forex tidak termasuk larangan dalam hukum ekonomi Syariah. Ini turut disokong oleh Kusnawati (2023) yang menyatakan bahawa sistem transaksi forex termasuk dalam kategori akad *bay' al-ṣarf* yang ketentuan dan persyaratannya diatur berdasarkan rukun dan syarat. Transaksi jual beli forex dalam talian dapat dilakukan apabila majlis akad telah memenuhi syaratnya iaitu pertemuan dua pihak dalam satu fasiliti dalam talian. Beliau juga mengatakan bahawa transaksi spot merupakan solusi transaksi yang diperbolehkan dalam ekonomi Islam kerana mampu mengurangkan unsur *gharar* dan *maysir* dimana transaksinya dilakukan secara tunai dalam waktu yang bersamaan sehingga terhindar dari unsur spekulasi.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisa perspektif pengkaji berkenaan isu Syariah yang terdapat pada forex online serta pandangan cendekiawan Islam berkenaan isu ini. Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini didahului dengan perbincangan para pengkaji berkaitan isu-isu Syariah dalam forex yang merangkumi kesemua jenis forex yang diamalkan pada masa kini. Diikuti dengan perbincangan para cendekiawan Islam. Akhir sekali, kajian ini membincangkan kedudukan atau status akaun forex Islamik yang disediakan oleh syarikat broker.

ISU SYARIAH YANG TIMBUL BERKENAAN PERDAGANGAN FOREX DALAM TALIAN

Antara isu Syariah yang timbul berkaitan perdagangan forex dalam talian adalah seperti:

Riba

Al-Quran tidak menjelaskan tentang konsep *al-ṣarf* secara mendalam bahkan hanya menyentuh tentang konsep urusan niaga yang dibenarkan Allah s.w.t secara umum. Urusan niaga yang dibenarkan syarak mestilah bebas daripada riba seperti firman Allah s.w.t.:

﴿وَاحْلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا﴾

Maksudnya, "Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba" (al-Qur'an. Al-Baqarah: 75).

Konsep *al-ṣarf* kemudian diterangkan secara panjang lebar melalui hadis-hadis Rasulullah S.A.W. yang merangkumi rukun, syarat dan situasi urus niaga *al-ṣarf*. Bay' *al-ṣarf* juga telah diriwayatkan dalam hadis Muslim: Ubadah Ibn Samit meriwayatkan bahawa asasnya jual beli ini diharuskan di dalam Islam berpandukan hadis Nabi SAW.

{الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا مِثْلًا، سِوَاءَ بِسِوَاءٍ، يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبَيْعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ {

Maksudnya, "(Juallah) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, sya'ir dengan sya'ir, kurma dengan kurma, dan garam dengan garam (dengan syarat harus) sama dan sejenis serta secara tunai. Jika jenisnya berbeda, juallah sekehendakmu jika dilakukan secara tunai" (Hadis. Sahih Muslim. Bab Al-Ṣarf. 1587).

Ilham (2013) menyatakan perdagangan forex sebagai satu bentuk terobosan baru dalam transaksi bay' *al-ṣarf* maka ia mestilah dijauhi daripada unsur *gharar* dan tidak mengandungi riba. Untuk mengelakkan riba, transaksi forex tersebut hendaklah memenuhi syarat bay' *al-ṣarf* maka dengan memenuhi syarat-syarat ini, perdagangan forex adalah satu bentuk transaksi kewangan yang dibenarkan.

Riba adalah isu terbesar di dalam forex dalam talian kerana elemen ini merupakan elemen utama ianya diharamkan. Justeru itu ramai broker menyahkan elemen riba ini daripada akaun yang mereka tawarkan kepada pedagang muslim untuk menarik minat dan keyakinan mereka mendaftar serta berdagang bersama syarikat broker tersebut. Terdapat beberapa syarikat broker yang memaparkan sijil pematuhan Syariah dilaman sesawang untuk menarik ramai pedagang muslim berdagang dengan mereka (Vantage, 2018). Namun begitu, status akaun forex Islamik ini akan dilihat berdasarkan beberapa pandangan ahli kewangan Islam.

Gharar

Di dalam Islam ia juga dikenali dengan istilah *taghrīr* dan sesuatu yang dilarang, kerana kecenderungannya adalah merugikan salah satu pihak yang berakad (Karim Adiwarmar, 2013). *Gharar* juga boleh diterjemahkan sebagai berdagang dengan risiko. Setiap perdagangan mempunyai risiko tersendiri. Jual beli yang melibatkan *gharar* akan melibatkan kerugian bagi salah satu pihak yang terlibat dalam transaksi jual beli tersebut dan boleh mengakibatkan hilangnya harta atau barangnya (al-Zuhayli, 1989:10).

Angga (2015) dalam kajiannya menyatakan bahawa forex dalam talian kini boleh dijamin oleh undang-undang dengan syarat di mana penyelesaian pertikaian di kalangan broker dan pedagang forex boleh dibuat melalui *musyawarah* dan juga pengantaraan, timbang tara atau melalui mahkamah undang-undang.

Berdasarkan modus operandi syarikat broker forex yang dimana ia dikawal selia oleh badan *International Financial Services Commission (IFSC)*, *Cyprus Securities and Exchange Commission (Cysec)*, *Australian Securities and Investments Commission (ASIC)* & *Dubai Financial Services Authority (DFSA)* iaitu merupakan badan sekuriti luar negara maka disini elemen *gharar* sangat jelas dan tidak dapat dihapuskan disebabkan badan regulasi yang mengawal selia tidak berada di dalam Malaysia. Justeru elemen ini berpotensi untuk menjadikan perdagangan forex dalam talian tidak patuh Syariah.

Perjudian dan Pertaruhan

Ramadan Hafiz Abdul Rahman (2004) menaqqalkan penerangan oleh pengarang kitab al-Qamus tentang *qimār* iaitu:

{قامره مقامرة وقمارا فقمرة وتقمرة: راهنه فغلبه وهو التقامر }

Maksudnya, "Dia bertaruh lalu dia menang, dan ia adalah saling bertaruh".

Syeikh Ali al-Şābūni menyebut, judi adalah setiap permainan yang memberikan keuntungan bagi satu pihak dan kerugian bagi pihak yang lain (al-Sabuni, 1972: 279).

Isu ini menurut pengkaji ia mempunyai batasan yang sangat halus untuk membezakan sama ada mereka sedang berdagang atau berjudi. Terdapat perbezaan diantara pedagang yang berdagang dengan ilmu perdagangan dan juga pedagang yang hanya meneka-neka serta meniru petunjuk (*copy signal*) perdagangan daripada pedagang lain.

Kewujudan unsur *maysir* (judi) yang mendedahkan pihak pedagang kepada peluang untung atau risiko kerugian kerana bergantung kepada spekulasi (ramalan) pergerakan nilai mata wang yang berada di luar kawalan, usaha dan pengaruh pihak yang mengurusniaga. Ini sama dengan meletakkan wang pertaruhan yang mengakibatkan salah satu pihak mengaut keuntungan atas kerugian pihak lain yang mana untung dan rugi bergantung kepada nasib. Forex dalam talian adalah sebuah pertaruhan dan perjudian kerana pedagang tidak mengetahui dan menjangka turun naik pasaran dan risiko dengan wang yang didagangkan. Justeru itu, ianya mudah difahami mengapa perdagangan forex sinonim dikatakan haram. Perjudian dan riba jelas dilarang di dalam Al-Quran. Ulama Islam bersepakat mengatakan kedua elemen ini terdapat di dalam perdagangan forex. Perjudian dalam pedagang forex dalam talian wujud apabila urusanniaga tersebut bergantung kepada turun naik harga atau angka (Asmadi, 2011).

Namun menurut Zakaria (2022) amalan semasa syarikat broker akan memaparkan sebab naik turun nilai matawang dan penilaian dibuat oleh pedagang dari sudut analisa fundamental dan teknikal yang kukuh dan berdasarkan pengalaman mereka berdagang. Maka pedagang harus bijak mengawal risiko dan melakukan strategi yang teratur kerana analisa pedagang tidak sepenuhnya tepat. Ilmu tentang perdagangan dan pasaran forex, mempelajari cara untuk menganalisa secara fundamental serta teknikal turun naik pasaran serta menetapkan satu arah untuk dinilai bagi pasaran tersebut. Ini juga merupakan hujah pedagang forex dengan mengatakan pedagang tidak berjudi tetapi melakukan analisa fundamental dan teknikal sebelum memasuki pasaran.

Leveraj

Khorshid (2011) mendefinisikan leveraj sebagai penggandaan kuasa beli seseorang untuk melakukan transaksi contohnya pinjaman wang untuk membeli asset yang lebih tinggi daripada individu tersebut mampu membelinya. Semua transaksi berasaskan margin dan leveraj adalah haram kerana terdapat unsur *qard* yang menghasilkan keuntungan kepada platform dan ini adalah riba (Lutfi, 2009; Wail Arabiyat, 2011; Marjan, 2011; Mustaqim, 2014).

Namun terdapat percanggahan pendapat mengenai isu leveraj misalnya ia adalah suatu bentuk pinjaman manakala pendapat lain mengatakan ia adalah suatu daripada broker atau jaminan sementara yang diberikan oleh broker untuk pedagang yang ingin memasuki pasaran.

Menurut Zainol (2012), fasiliti leveraj yang diberikan oleh broker bukanlah seperti pinjaman biasa di bank yang mana pedagang perlu membayar semula pinjaman mereka. Dalam bahasa mudahnya iaitu para pedagang mempunyai komitmen untuk berdagang dengan atas fasiliti yang diberikan oleh pihak platform atau broker forex.

Isu leveraj ini hangat diperkatakan kerana ia menyamai akad *bay' wa salaf* iaitu jual beli yang digabungkan bersama pinjaman. Penggabungan jual beli dan hutang juga ada dinyatakan dengan jelas di dalam hadis Amru bin Shuaib:

{ لا يَحِلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ وَلَا شَرْطَانٌ فِي بَيْعٍ وَلَا رِبْحٌ مَا لَمْ يَضْمَنْ }

Maksudnya, "Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang penggabungan *salaf* (hutang) dengan jual beli, dua akad dalam satu transaksi (jual beli), dan keuntungan tanpa ada jaminan (tanpa mengambil risiko)" (Hadis. Al-Nasa'i. Sunan al-Kubra. *Kitab al-Buyu'*. 4611).

Kewujudan unsur riba iaitu pada kemudahan leveraj (pinjaman tunai) oleh platform yang mensyaratkan dilakukan perdagangan mata wang dengan caj berbayar hanya dengan platform yang sama. Riba juga berlaku pada *overnight charge* (caj semalaman) ke atas pinjaman yang tidak dilangsaikan pada hari yang sama. Contoh kepada situasi leveraj atau *bay' wa salaf* dalam perdagangan forex dalam talian adalah seperti pihak ketiga iaitu platform forex yang memberi leveraj (pinjaman) kepada pedagang (peminjam) terlebih dahulu, dan kemudian mengambil komisen daripada peminjam tersebut. Di dalam situasi ini menurut Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2023), riba telah berlaku.

Menurut Khairudin (2016) lagi, terdapat *bay' wa salaf* di dalam transaksi forex dalam talian dimana leveraj yang diberikan oleh pihak broker kepada pedagang dikira sebagai satu pinjaman maka ia dianggap gabungan kepada akad *salaf* atau *qard* dan juga *bay' al- sarf*.

Alias (2015) berpendapat bahawa leveraj adalah suatu bantuan dan tiada sebarang unsur penindasan yang bercanggah dengan *maqasid syar'iyah*. Menurutnya, leveraj dalam forex adalah berbeza daripada pinjaman biasa. Leveraj dalam bahasa mudahnya adalah fasiliti atau peluang yang diberi oleh broker kepada pedagang forex bagi menghasilkan keuntungan yang lebih lumayan. Setiap broker mempunyai kadar leveraj tersendiri. Kebiasaannya pedagang diberi pilihan untuk memilih leveraj berdasarkan modal mereka. Contohnya jika broker menawarkan leveraj 100:1, ia bermaksud pedagang diberi peluang berdagang 100 kali ganda daripada wang yang didepositkan dengan broker tersebut dalam forex.

Al-Busaili (2016) turut membezakan tujuan perdagangan matawang sama ada untuk perbankan mahupun untuk memperoleh keuntungan. Menurutnya berdagang dengan menggunakan leveraj adalah tidak dibenarkan di dalam Syariah dan leveraj atau dikenali sebagai perdagangan margin itu merupakan wang murni pedagang lain yang didepositkan ke dalam akaunnya untuk dapat berdagang di dalamnya manakala kerugian semasa berdagang diambil sebagai gadai janji.

Qabd

Di dalam resolusi Akademi Fiqh Islam Antarabangsa No.53 (4/6) dan parameter Syariah AAOIFI No.1 menggariskan bahawa *taqabud* disyaratkan oleh syarak di dalam urusaniaga emas, perak dan matawang adalah dilakukan melalui *qabd haqiqi* (penyerahan sebenar atau secara langsung) atau menerusi *qabd hukmi* iaitu dengan penyerahan konstruktif atau secara tidak langsung yang membolehkan pemilik memindahkan matawang yang dibeli dengan menukarkan sesuatu matawang dari sebuah negara kepada nilai matawang asing yang lain di negara lain.

Untuk item ribawi iaitu perdagangan matawang yang tidak sama jenis ia mesti dilakukan di dalam satu majlis ataupun sebelum berpisah. Sekiranya ia tidak berlaku, maka ia akan menjerumuskan kepada riba. Ini dibuktikan dalam kita *Al Muwatta* Imam Malik rahimullah (1992):

{ وَحَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، قَالَ لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشْفُوا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا الْوَرِقَ بِالْوَرِقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشْفُوا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا الْوَرِقَ بِالذَّهَبِ أَحَدُهُمَا غَائِبٌ وَالْآخَرُ نَاجِزٌ وَإِنْ اسْتَنْظَرَكَ إِلَى أَنْ يَلِجَ بَيْنَهُ فَلَا تُنْظِرُهُ إِلَيَّ إِخَافُ عَلَيْكُمُ الرِّمَاءَ وَالرِّمَاءُ هُوَ الرِّبَا }

Maksudnya: "Yahya meriwayatkan kepadaku dari Malik, dari Abdullah bin Dinar, dari Abdullah ibn Umar bahwa Umar Ibn Khattab mengatakan: Jangan menjual emas untuk emas, kecuali sejenis dengan sejenis. Jangan menjual perak untuk perak, kecuali sejenis dengan sejenis. Jangan melebihkan bahagiannya atas bahagian lain. Jangan menjual sesuatu yang ada dengan sesuatu yang tidak ada. Jika seseorang memintamu menunggu pembayaran

hingga dia berada dirumah, jangan tinggalkan dia. Aku khawatir rama terjadi padamu. Rama itu riba."

Rama' adalah penangguhan pembayaran, seperti wang kertas atau bank note, yang ditegaskan oleh Umar Ibn Khattab R.A: *Jangan menjual sesuatu yang ada (barang) dengan sesuatu yang tidak ada (surat janji pembayaran)*. Selanjutnya Imam Malik mengatakan: *"Rasulullah S.A.W melarang penjualan sebelum serah terima barangnya."*

Namun sesuai dengan keperluan zaman teknologi masa kini, dua kelonggaran telah diberikan berhubung dengan isu *taqabud* dan tukaran mata wang secara lani. Sebagai contoh, institusi kewangan Islam hari ini akan menjual mata wang asing kepada pelanggan. Selepas jualan ini selesai, institusi akan membeli mata wang asing dari pihak antara bank. Perkhidmatan jumlah yang dibeli akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan selepas dua hari bekerja (T + 2) (Burhanuddin & Noor Suhaida, 2015).

Qabd dikatakan tidak berlaku di dalam forex dalam talian walaupun secara hukmi seperti yang disyaratkan dalam akad *al-sarf* (Wail Arabiyat, 2011) dan penyerahan yang sempurna tidak berlaku di dalam perdagangan forex dalam talian kerana ketika pedagang membuat posisi atau tempahan belian, wang tersebut tidak dikreditkan ke dalam akaunnya secara langsung sehinggalah matawang tersebut dijual semula kepada broker ketika menutup posisi atau tempahan (Khairudin, 2016).

Sobri (2022) berpandangan meskipun banyak kajian lepas yang menggariskan forex boleh menjadi harus jika tidak mengandungi elemen leveraj dan lain-lain namun dikeranakan tiada pegangan atau *qabd* maka akad ini tidak boleh diharuskan di dalam Islam.

Bay' wa Salaf

Sebelum mengetahui maksud *bay' wa salaf* hendaklah jelas dengan maksud *salaf*. *Salaf* dari sudut bahasa bermakna *al-qard* iaitu hutang (Shariah Standard No. 19, 2018). Ia juga didefinisikan sebagai pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa syarat keuntungan (Mustafa al-Khin, 1996: 89).

Bay' wa salaf adalah gabungan jual beli dan hutang. Kombinasi akad ini adalah dilarang di dalam Syariah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang menyebut bahawa setiap pinjaman hutang yang mempunyai manfaat ia adalah riba. Antara hadis berkenaan pengharaman kombinasi akad ini adalah hadis Rasulullah SAW yang menyebut bahawa setiap pinjaman hutang yang mempunyai manfaat ia adalah riba:

{كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فَهُوَ رِبَا}

Maksudnya, *"Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada manfaat, ia adalah riba"* (Hadis. Sunan al-Bayhaqi. Kitab al-Buyu'. Bab kulli qardin jarra manfa'atan fa huwa riban. 10926).

Di dalam perdagangan forex, kebiasaanya broker menyediakan kemudahan leveraj kepada pedagang contohnya seperti 100:1, 200:1 300:1 atau sebagainya. Menurut Khairudin (2016) lagi, terdapat *bay' wa salaf* di dalam transaksi forex dalam talian dimana leveraj yang diberikan oleh pihak broker kepada pedagang dikira sebagai satu pinjaman maka ia dianggap gabungan kepada akad *salaf* atau *qard* dan juga *bay' al- sarf*.

Spekulasi

Pada asasnya Islam memandang matawang hanya sebagai medium pertukaran barangan, pengukur nilai dan penyimpan nilai (Ibnu Khaldun, 1988). Ia bukanlah satu komoditi yang boleh diperdagangkan seperti barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi (Manan, 1986). Matawang digunakan adalah bagi memenuhi keperluan transaksi *money demand for transaction* dan bukan untuk *money demand for speculation*, kerana spekulasi tidak dibenarkan (Arifin, 2002).

Rafiq (2010) mengatakan perdagangan forex dalam talian adalah haram kerana spekulasi yang melampau, berbentuk perjudian serta penyumbang kepada krisis ekonomi. Terdapat juga pengkaji yang mencadangkan beberapa peraturan dan regulasi yang perlu dipatuhi bagi membantu pedagang forex untuk mengelakkan risiko spekulasi mata wang (Abu Safiya, 2013). Udin (2018) berpendapat transaksi trading forex hanya berdasarkan spekulasi semata, maka ia dikatakan haram kerana dilakukan tanpa memenuhi keperluan wang sebagai alat pertukaran.

Menurut Profesor Ma’sum Billah (2016), berhubung dengan spekulasi, terdapat dua jenis spekulasi, pertama adalah spekulasi dengan tidak mempunyai cukup pengetahuan atau tanpa ilmu (*jahl*), dan yang kedua adalah spekulasi dengan ilmu. Di dalam kes spekulasi dengan tidak mencukupi atau tanpa pengetahuan, unsur ketidakpastian (*gharar*) bertambah; dan secara melampau, spekulasi adalah serupa dengan perjudian. Beliau turut memetik kata-kata Syed Othman Alhabshi bahawa dalam mana-mana perniagaan yang diceburi seseorang itu perlu melakukan spekulasi, iaitu berdasarkan beberapa pengetahuan asas terdahulu.

Menurut Khosiah (2020) perdagangan forex dibenarkan bagi memenuhi keperluan untuk membeli dan menjual mata wang untuk membiayai perdagangan eksport-import dari satu negara ke negara lain. Ini berdasarkan keadaan sedia ada. Namun ia diharamkan atas tujuan spekulasi kerana ia berniaga tanpa barangan dan perkhidmatan.

Terdapat unsur spekulasi di dalam graf platform forex demi mendapatkan keuntungan secara segera tanpa harus mengusahakannya, maka hukum transaksi trading forex pada perspektif Mazhab Syafie adalah haram (Dini, 2021).

Menurut Ibn Taimiyyah, pengambilan sebahagian daripada harta seseorang, kemudian dipertaruhkan sama ada seorang itu mendapat hasil atau tidak mendapat apa-apa adalah dikenali sebagai perjudian. Dapat disimpulkan bahawa kegiatan spekulasi dan qimar itu berlaku dengan adanya penyerahan sejumlah wang ke pihak yang dipertaruhkan dengan melakukan kegiatan yang berbaur spekulatif sehingga ada pihak yang kalah atau kerugian dan pihak yang menang atau beroleh keuntungan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang merupakan elemen terpenting dalam sesebuah kajian dan juga kaedah temubual bersama ahli kewangan Islam tentang pandangan beliau terhadap akaun forex Islamik dalam talian. Bagi membantu membuat keputusan dengan lebih tepat, pandangan pakar amatlah penting kerana pakar mempunyai pengalaman (Linstone & Turoff, 2002). Kaedah deskriptif untuk analisis data kerana fokus utama kajian deskriptif adalah untuk menjawab persoalan 'apa' dalam perjalanan kajian. Oleh itu, kajian ini cuba menjawab persoalan, “apakah isu Syariah yang berkaitan dengan dagangan akaun forex Islamik dalam talian” dengan membincangkan elemen yang mengakibatkan pengharamannya meskipun unsur riba telah cuba dinyahkan oleh pihak syarikat broker.

PERBINCANGAN DI KALANGAN CENDEKIAWAN SYARIAH DALAM PERDAGANGAN FOREX

Berikut adalah pandangan dikalangan cendekiawan Syariah berkenaan perdagangan matawang forex dalam talian. Data ini diambil daripada kajian pustaka dan juga laman sesawang serta temubual berkaitan.

Cendekiawan	Jawatan	Pandangan
Monzer Kahf	Profesor Kewangan Islam	Meskipun akaun forex Islamik tidak mempunyai elemen riba namun keuntungan yang diperolehi oleh pedagang adalah daripada kerugian pedagang lain

Sheikh Ibn Baaz	Mufti Besar Arab Saudi	Perdagangan matawang dibenarkan tetapi tertakluk kepada beberapa syarat iaitu transaksi tersebut mestilah secara lani dan tiada penangguhan berlaku
Mufti Taqi Usmani	Ahli Fiqah Pakistan	Perdagangan forex adalah haram kerana wang hanyalah berfungsi sebagai medium perantaraan
Sheikh Ahmed Wissam	Setiausaha Fatwa di Egyptian Dar Al Iftaa	Perdagangan forex haram sepenuhnya
Lembaga Mufti Afrika Selatan	Badan Kerajaan	Tidak dibenarkan atas sebab isu Syariah yang timbul
Shaykh 'AbdAllaah Al Jibreen	Ahli Majlis Ulama Dan Jawatankuasa Tetap Penyelidikan Islam Dan Pengeluaran Fatwa Arab Saudi	Perdagangan matawang adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat bahawa pertukaran dibuat sebelum berpisah dan sekiranya tidak berlaku seperti yang disyaratkan maka ia tidak dibenarkan
Abdullah Rusydi	Pendakwah Mesir	Tidak dibenarkan
Sheikh Abdul Aziz Al-Fawzan	Profesor Perundangan Perbandingan Di Institut Kehakiman Tinggi Kerajaan Arab Saudi	Tidak dibenarkan
Dr. Wail Muhammad Arabiyat dan Dr. Ahmed Abdullah Al-Aoun	Ahli Lembaga Syariah di The Islamic Insurance Co. Jordan dan seorang penyelidik dari Qatar	Meskipun ia Islamik Forex, namun ia tidak dibenarkan
Dr. Zaharuddin Abdul Rahman	Pakar Kewangan Islam	Meskipun jika pedagang forex memenuhi semua syarat <i>bay' al-ṣarf</i> dan ia boleh dikira halal namun wang menurut pandangan ekonomi dalam Islam adalah 'medium of exchange' sahaja dan ia bukanlah komoditi yang wajar diniagakan bagi memperolehi untung dari perbezaan nilainya

Jadual 1: Perbincangan Di Kalangan Cendekiawan Syariah Dalam Perdagangan Forex

Profesor Monzer Kahf merupakan seorang Profesor Kewangan Islam di Fakulti Pengajian Islam Qatar. Menurutnya, meskipun akaun forex Islamik tidak mempunyai elemen riba namun keuntungan yang didapati oleh pedagang adalah daripada kerugian pedagang lain. Oleh itu, ia tidak mencukupi untuk menjadi halal kerana ia mengandungi transaksi spekulatif yang tidak produktif atau perdagangan yang dilakukan tanpa objektif untuk mencipta nilai (Monzer Kahf, 2021).

Sheikh Ibn Baaz adalah ulama Islam Arab Saudi yang berkhidmat sebagai Mufti Besar Arab Saudi. Menurut beliau perdagangan matawang adalah dibenarkan tetapi tertakluk kepada beberapa syarat iaitu transaksi tersebut mestilah secara lani dan tiada

penanggungan berlaku. Berikut petikan dari fatwa beliau di dalam *Majmoo'al-Fatawa* (Ibn Baz, n.d):

“Dealing in currency, buying and selling, is permissible, but that is subject to the condition that the exchange is hand-to-hand if the currencies are different. For example, suppose a person sells Libyan currency for American or Egyptian or whatever currency hand to hand. In that case, there is nothing wrong with that, such as if he buys dollars for Libyan currency hand to hand, exchanging it in one sitting, or he buys Egyptian or English currency, etc. for the Libyan or whatever currency hand to hand, there is nothing wrong with that. But if there is a delay, then it is not permissible, and if the exchange is not done in the same sitting, it is not permissible because it falls under the category of riba-based transaction. So, the exchange must take place in the same sitting, hand to hand if the currencies are different.”

Mufti Taqi Usmani adalah seorang ahli fiqah Pakistan dan ulama terkemuka yang mahir dalam bidang al-Quran, hadis, Syariah dan kewangan Islam. Menurut beliau, perdagangan forex adalah haram kerana fungsi wang bukan komoditi dan hanyalah sebagai medium perantaraan (Usmani, 2007).

“Currencies are originally a medium of exchange and should only be exchanged for personal use in different countries. To make them a tradable commodity only for earning a profit is also against the basic philosophy of Islamic economics.”

Menurut Sheikh Ahmed Wissam, Setiausaha Fatwa di Egyptian Dar Al Iftaa, perdagangan forex haram sepeuhnya. Ini bermakna meskipun akaun tersebut merupakan akaun forex Islamik, ia tetap dihukum haram (Arafa, 2023).

Selanjutnya, Lembaga Mufti (*Jum'iyat al- Muftin*) Afrika Selatan, yang terdiri daripada sebelas mufti yang berwibawa telah meneliti isu perdagangan forex dengan teliti dan memutuskan bahawa ia tidak dibenarkan atas sebab isu Syariah yang timbul (Desai, 2023).

Shaykh 'Abd-Allaah Al-Jibreem, ahli Majlis Ulama dan Jawatankuasa Tetap Penyelidikan Islam dan Pengeluaran Fatwa Arab Saudi menegaskan bahawa perdagangan matawang adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat bahawa pertukaran dibuat sebelum berpisah dan sekiranya tidak berlaku seperti yg disyaratkan maka ia tidak dibenarkan. Ini bermakna sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi maka ia tidak dibenarkan.

“There is no harm in doing business in currencies, which is selling money for money, but under the condition that the money is handed over before the two parties separate. It makes no difference if the person gives the money itself and receives something that takes of the place of it, such as verified, dependable checks, and it makes no difference whether the two exchangers are the owners of the currencies or representatives. If the custom is not performed like this description, then it is not permissible and the person who does it is disobedient in his action and deficient in faith. However, this does not expel the person (from Islam) into disbelief” (Fatawa Islamiyah 4/415).

Mufti Ikram Ul Haq dari Pusat Fatwa Amerika menyatakan bahawa forex adalah dibenarkan tetapi tidak dalam transaksi dalam talian kerana ia meninggalkan undang-undang penting keperluan tunai. Penghantaran fizikal tidak berlaku di internet.

Manakala menurut Sheikh Abdul Aziz al-Fawzan, tiada dagangan sebenar dalam perdagangan forex, bermakna seseorang itu tidak menerima wang yang diperolehinya seperti mana-mana peniaga sebenar setiap kali dia berdagang sesuatu komoditi. (Maarefah, 2021).

Dr. Wail Muhammad Arabiyat dan Dr. Ahmed Abdullah Al-Aoun berhujah bahawa perdagangan dalam forex adalah dilarang antara alasannya ia menyebabkan kerosakan ketara yang disebabkan kepada individu dan masyarakat (Wail, 2011).

Abdullah Rushdi mengatakan bahawa terdapat *gharar* apabila seseorang pedagang itu tidak mengetahui akibat dari keputusan mereka dan ini wujud dalam perdagangan forex, dimana ia serupa dengan proses perjudian kerana pergerakan mata wang berkait rapat dengan harga naik dan turun dalam setiap saat serta sangat sukar untuk meramalkan pergerakan tersebut. Menurutnya bagi persoalan mengenai akaun forex Islamik beliau menyimpulkan bahawa isu itu bukanlah hanya sekadar pada nama Islamik, sebaliknya ia mestilah benar-benar bebas daripada segala sebab dan larangan yang disebut di dalam muamalat. Justeru itu, sekiranya masih terdapat satu barang sebab yang dilarang, maka meskipun ia dikatakan akaun Islamik, namun ia tetap dihukum haram (Maarefah, 2021)

Menurut Dr. Zaharuddin, meskipun jika pedagang forex memenuhi semua syarat *bay' al-ṣarf* dan ia boleh dikira halal namun wang menurut pandangan ekonomi dalam Islam adalah '*medium of exchange*' sahaja dan ia bukanlah komoditi yang wajar diniagakan bagi memperolehi untung dari perbezaan nilainya (Abdul Rahman, 2008).

PERBINCANGAN KAJIAN

Justeru itu menurut pandangan pengkaji dalam konteks forex dalam talian, elemen perjudian dan pertaruhan ini dapat dihapuskan sekiranya pedagang mempunyai ilmu perdagangan yang luas dalam pasaran forex. Namun sejauh mana hal ini dapat dijauhi kerana jika dilihat sekarang tawaran perdagangan forex terbuka kepada semua orang. Sejauh mana pedagang yang mula berdagang mempunyai ilmu asas dalam perdagangan forex. Sekiranya pedagang hanya meneka pasaran maka ia berpotensi jatuh kedalam amalan perjudian di dalam perdagangan forex dalam talian.

Dalam konteks forex elemen *gharar* ini adalah sesuatu yang perlu dititikberatkan setelah kesemua isu Syariah yang lain dapat dihapuskan. Ini kerana ia melibatkan keselamatan wang yang didepositkan kepada broker. Ketidakpastian mengenai status kesahan broker menjadi salah satu isu yang ditimbulkan, ini adalah kerana jika pedagang tersalah dalam memilih broker mereka mungkin akan kehilangan kesemua wang. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat beberapa badan sekuriti luar negara yang mengawal selia serta memantau aktiviti perdagangan syarikat broker forex. Namun isu di sini timbul, sama ada sejauh mana badan regulasi tersebut dapat menjamin serta memudahkan pedagang di negara Malaysia sekiranya berlaku sesuatu masalah di dalam perdagangan dengan broker tersebut.

Satu temubual telah dilakukan bersama Profesor Dr. Amir Shaharudin.¹ Pengkaji menerangkan satu persatu isu Syariah berkenaan forex dalam talian serta modus operandi syarikat broker Islamik kepada beliau bermula daripada isu wang bukan komoditi, riba, *gharar*, *qabd*, *bay' wa salaf*, leveraj, perjudian serta spekulasi. Pengkaji juga turut menimbulkan hujahan pedagang forex kepada beliau serta bertanyakan pandangan beliau berkenaan hujahan tersebut. Ini adalah kerana pengkaji ingin mendapatkan pandangan yang adil dengan mengambil kira dari dua sudut pandangan; pandangan pedagang dalam industri forex dan juga pandangan pakar kewangan Islam. Hasil temubual tersebut beliau mengatakan bahawa masih imbul isu *gharar* bagi perdagangan forex Islamik dalam talian ini dari sudut *governance* dan *regulation* kerana kebanyakan broker luar negara tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Jika broker tersebut di bawah kawal selia Malaysia dan badan regulasi yang diiktiraf oleh kerajaan maka pedagang mempunyai sandaran yang kukuh (Shaharuddin, 2023).

¹ Profesor Dr. Amir Shaharudin kini bertugas sebagai Pengarah Pusat Pengurusan Akademik, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebelum ini, beliau merupakan Dekan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Pusat Pengajian Siswazah di universiti yang sama. Profesor Dr Amir juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Syariah kepada SME Bank dan Hong Leong MSIG Takaful (HLMT) serta Ahli Jawatankuasa Syariah bagi Hong Leong Islamic Bank (HLISB).

Profesor Dr. Shawqi Allam, Mufti Besar Mesir, pada 13 November 2013 turut mengatakan bahawa pengharaman forex antaranya adalah disebabkan kekurangan perlindungan undang-undang untuk pelanggan, kerana kebanyakan broker mempunyai lesen syarikat mereka di luar negara. Ini bermakna bahawa pedagang tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap broker sekiranya broker melakukan kesilapan profesional yang serius yang mengakibatkan kerugian pedagang (Allam, 2013).

Menurut Sekretariat Fatwa Mesir, ia berbeza di antara forex dalam talian dan forex dengan bank kerana urusan dengan bank menambah elemen perlindungan kepada pedagang dimana ia lebih terjamin dan apabila terdapat sebarang pertikaian ia dapat diselesaikan dengan mudah kerana bank dalam masa yang sama ingin memelihara reputasi perbankan mereka (Allam, 2013).

Meskipun ia ditawarkan oleh broker Islamik sekilasnya seperti Islamik dan berbeza dengan forex konvensional, namun secara teknikalnya tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan kerana kadar spread yang kebiasaannya tinggi bagi menggantikan *rollover fee* (Rafiqah, 2020).

Berdasarkan modus operandi syarikat broker forex dimana ia dikawal selia oleh badan International Financial Services Commission (IFSC), Cyprus Securities and Exchange Commission (Cysec), Australian Securities and Investments Commission (ASIC) & Dubai Financial Services Authority (DFSA) iaitu merupakan badan sekuriti luar negara maka disini elemen *gharar* sangat jelas dan tidak dapat dihapuskan disebabkan badan regulasi yang mengawal selia tidak berada di dalam Malaysia. Justeru elemen ini berpotensi untuk menjadikan perdagangan forex dalam talian tidak patuh Syariah.

Perdagangan forex dalam talian selalunya berdasarkan kepada spekulasi yang berlebihan. Ini boleh mewujudkan turun naik pasaran, yang boleh menjejaskan bukan sahaja kestabilan kewangan individu tetapi juga ekonomi secara amnya. Etika perdagangan yang baik menuntut ketelusan dan keadilan, yang selalunya sukar untuk dipastikan dalam pasaran forex dalam talian kerana bilangan besar pihak yang terlibat dan kerumitan transaksi.

Penggunaan leveraj dalam forex dalam talian meningkatkan potensi keuntungan, tetapi ia juga membawa risiko kerugian besar. Ahli akademik berpendapat bahawa ini mewujudkan situasi di mana peniaga individu boleh terperangkap dalam kitaran kerugian yang menjejaskan kestabilan kewangan mereka dan secara tidak langsung, ekonomi tempatan.

Dari perspektif polisi, forex dalam talian selalunya tidak dikawal selia dengan baik dalam banyak bidang kuasa sehingga mewujudkan potensi amalan manipulatif dan eksploitasi. Pakar menggariskan bahawa peraturan yang ketat diperlukan untuk memastikan aktiviti perdagangan ini selaras dengan prinsip etika sejagat seperti keadilan, akauntabiliti, dan keseimbangan risiko.

PENUTUP

Untuk memastikan bahawa operasi perniagaan yang dijalankan adalah selaras dengan prinsip Syariah, institusi kewangan Islam boleh merujuk Majlis Penasihat Syariah (MPS) untuk mendapatkan suatu keputusan atau mendapatkan nasihat bagi urusan mereka yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam (Hussain, 2013).

Pada pandangan pengkaji, sudah tiba masanya satu perbincangan ilmiah dibuat berdasarkan pendapat kedua ahli di dalam bidang perdagangan forex dalam talian dan juga ahli dalam hukum muamalat iaitu pakar kewangan Syariah berkenaan isu ini kerana ramai yang menjadikan ia sebagai punca pendapatan menyara keluarga. Tidak kurang juga terdapat pelbagai individu yang bertaraf pempengaruh yang mempunyai latar belakang agama dan menjadikan perdagangan forex dalam talian ini sebagai sumber pendapatan serta mempunyai komuniti yang besar di media sosial serta menarik pelbagai pengikut daripada berbagai usia untuk mengikuti aktiviti tersebut. Ini perlu dipandang serius kerana terdapat beberapa kes pelajar universiti sanggup menggunakan wang pinjaman pendidikan mereka semata-mata untuk menyertai dagangan forex dalam talian ini.

Syarikat broker yang menawarkan akaun Islamik perlu mempunyai Badan Penasihat Syariah yang bertanggungjawab untuk mengaudit dan membuat semakan Syariah dalam mengenal pasti, menilai dan memantau keputusan operasi dan aktiviti perniagaan perdagangan forex yang mereka tawarkan. Fungsi dan objektif Badan Penasihat Syariah ini adalah untuk menyemak dan mengaudit serta memantau segala aktiviti dalam setiap transaksi supaya sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan Syariah ia boleh dilaporkan atau direkodkan. Badan ini juga boleh memberi pandangan dan nasihat kepada syarikat broker bagi memastikan tahap dan piawaian pematuan Syariah dapat dipenuhi. Jika terdapat perkara yang diragui maka ia boleh ditangani dan ditambah baik oleh pihak syarikat. Selain itu, syarikat broker juga perlulah telus dalam memaparkan Sijil Pematuan Syariah bagi memudahkan pedagang menilai dalam membuat pemilihan. Badan Penasihat Syariah yang dilantik tersebut mestilah mempunyai justifikasi tentang keabsahan setiap kontrak yang terlibat.

Berdasarkan isu Syariah yang timbul dan meskipun akaun tersebut dianggap Islamik dengan menghapuskan elemen riba, namun mengambil kira pandangan cendekiawan Islam tentang keuntungan pedagang yang datang dari kerugian pedagang lain serta elemen *gharar* yang terdapat pada regulasi syarikat broker forex, maka perdagangan forex ini adalah aktiviti yang memerlukan pertimbangan yang sewajarnya sebelum membuat keputusan untuk menyertainya. Ketiadaan riba dalam akaun Islamik bukanlah jaminan menjadikan akaun tersebut 100% halal untuk didagangkan kerana terdapat banyak isu lain yang timbul.

Badan kawal selia di Malaysia yang bertanggungjawab bolehlah mewajibkan setiap broker yang bukan berasal daripada Malaysia untuk berdaftar secara sah di Malaysia sebelum membuka keahlian kepada penduduk tempatan. Segala aktiviti serta kemudahan pindahan dana perlulah dipantau untuk mengelakkan sebarang penipuan. Seperti di Indonesia, mereka mempunyai badan kawal selia yang memantau aktiviti syarikat broker dan menjaga kebajikan para pedagang. Ini boleh membantu dalam mengurangkan risiko penipuan broker terhadap pedagang.

Kerajaan Malaysia perlulah merangka satu badan regulasi forex untuk menjalankan pemantauan terhadap broker forex dan melantik panel Syariah untuk memantau aktiviti yang dijangkakan. Ini adalah kerana tanpa badan regulasi serta penasihat Syariah maka ia mendorong kepada hukum haram berdasarkan penilaian melalui maqasid Syariah. Di Arab Saudi, Indonesia serta Turki perdagangan forex dalam talian tidak mempunyai masalah kerana ia mempunyai badan regulasi tersendiri serta kerajaan juga mendapat keuntungan daripada perdagangan tersebut.

RUJUKAN

Buku

- al-Musnad, M. A. A. (2001). *Fatawa Islamiyah (Islamic Verdicts)*. Darussalam.
- al-Sabuni, M. 'A. (1972). *Rawa'i al-Bayan; Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an*. Makkah al Mukarramah: Dar al-Qur'an al-Karim. Jld 1, h. 279.
- al-Zuhayli, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr. Cet. 3, h. 10.
- Anas, M. A. (n.d). *Al-Muwatta'*. Bayrut: Dar Al-Fikr
- Arifin, Z. (2002). *Dasar-Dasar Manajemen Bank Syariah*. Jakarta: AlvaBet.
- Ibn Khaldun. (1988). *Al-Muqaddimah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Karim, A. A. (2013). *Bank Islam Analisis Fiqih dan Keuangan*. Jakarta: Raja Grafindo
- Khorshid, A. (2011). *Dictionary of Islamic Finance*. Euromoney Institutional Investor.
- Linstone, H. A., & Turoff, M. (2002). *The Delphi Method Techniques and Applications*.
- Manan, M. A. (1986). *Islamic Economics, Theory and Practice*. Cambridge: Hodder & Stoughton.
- Mustafa, K., & Mustafa, B. (1996). *Fiqh al-Manhaji*. Juz 3. Damaskus: Dar al Ulum.
- Ramadan, H. A. R. (2004). *Mawqif al Shari'ah al Islamiyyah min al Maysir wa al Musabaqat al Riyadiyyah wa al Tilfizziyuniyyah*. Dar al Salam.

Sheikh 'Abdul 'Aziz, 'A. 'A. R. B. *English Translations of Majmoo'al-Fatawa of late Scholar Ibn Bazz (R).* (2nd Ed.). (Volume No.19). Saudi Arabia: Portal of the General Presidency of Scholarly Research and Ifta'.

Dokumen

- Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (IIFA). (1981). Resolusi No. 102 (5/11) Perdagangan Matawang (Pasaran Pertukaran Asing).
- Asmadi. (2011). Kefahaman Umum Terhadap Perdagangan Matawang (FOREX) Dan Kedudukannya Dalam Syarak. Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia kali ke 7.
- Duriat, F, Mustafiyah K. S., & Shabana, H. (2019). Shariah Analysis of Earning Income Via Foreign Exchange ("Forex") Trading - A Guide for The Singapore Muslim Community.
- Marjan et al. (2011). Operasi Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing Oleh Individu Secara Lani (Individual Spot Forex) Melalui Platform Elektronik: Satu Sorotan Dari Sudut Syariah. Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam JAKIM -ISRA, 1-45.
- Rahman, A. R. A. (2008). Shari'ah Audit for Islamic Financial Services: The Needs and Challenges. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kewangan Islam ISRA.

Jurnal

- Abu Safiya, F. K. (2013). Hukm at Tijarah bil Umlat Fil Aswaq al Maaliyah. *Majallah Jami'ah al-Amir 'Abd al-Qadir Li al-'Ulum al-Islamiyyah*, 27(3), 173-204.
- Alias, A., Zainol, M.Z. & Rahman, N.A. (2015). Kontrak Tukaran Matawang Asing Melalui Internet: Satu Tinjauan Hukum. *UUM Journal of Legal Studies*, 6, 1, 137-146.
- Amri, U. (2021). Forex Trading Menurut Hukum Islam. *Jurnal Kajian Islam Kontemporer*, 12(1), 1- 13.
- Billah, M. M. (2016). Shari'ah Model of Foreign Exchange. *Journal of Islamic Banking and Finance*, 33(2), 11-29.
- Gul, M., Junaid, A. & Muhammad, I. (2022). International Halal Industry and Its Impact on Global Halal Market (A Historical Review and Future Business Prospect). *Journal of Positive School Psychology*, 6(7), 5891—5907.
- Hussain, M., Hassan, R., & Hassan, A. (2013). Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 25(2), 220-237.
- Nur Khosiah. (2020). Forex Trading Menurut Islam. USRAH. *Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 1(1), 18-27. Jawa Timur: STAI Muhammadiyah Probolinggo.
- Nurul, N. R., A. Ropei, & Suharto. (2023). Analisis Teori Al-Sharf Dalam Ekonomi Syariah Mengenai Bisnis Foreign Exchange (Forex) Pada Trading Berbasis Dalam Talian. *Jekis: Jurnal Ekonomi Islam*, 1(2), 41-48.
- Omar, R. F., Eleri, J. (2015). Critical evaluation of the compliance of online Islamic FOREX trading with Islamic principles. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 8(1), 64 – 84.
- Qusthoniah. (2014). Transaksi Valuta Asing Menurut Hukum Islam. *Jurnal Ekonomi Syariah*, 2(1), 7-23. Universitas Islam Indragiri Tembilahan.
- Rafiq Yunus al-Misri. 2010. Tijarah al- 'Umlah 'Ibra al-Internet. *Journal Jamiah al-Malik 'Abd al-Aziz: al-Iqtisad al-Islami*. Jil. 23, bil. 1.
- Rafiqah. (2020). Analisis Shari'ah Compliance Pada Trading Forex Online. *Misykat*, 5(1). 147-164.
- Rahmat, Dkk. (2021). Jual Beli Mata Uang Sistem Trading Forex dalam Perspektif Hukum Islam. *Al-Khiyar: Jurnal Bidang Muamalah dan Ekonomi Islam*, 1(1), 60-78.
- Sobri, N. A., & Ahmad, A. A. (2022). Kedudukan Transaksi Perdagangan Forex Secara Atas Talian oleh Individu Menurut Perspektif Syariah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001694.

- Sulhan, M. (2008). Transaksi Valuta Asing (Al-Sharf) Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Ekonomi Manajemen dan Bisnis Islam*, 4(2). Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Wail, A. (2011). Al-Hukm al-Syar'i li al-Tijarah al- 'Umlat Bi Nizam al-Hamisy. *Journal of Jordan in Islamic Studies*, 7(1), 183.

Laman Sesawang

- Abdul Rahman, Z. (2008). Pelaburan Dan Meniaga FOREX. Zaharuddin.net. <http://www.zaharuddin.net/pelaburan-&perniagaan/649-hukum-labur-a-berniaga-forex-forex-trading.html> (diakses pada 19 May 2018).
- Allam, S. I. (2013). Fatwa Forex no 3615. Fataawa Dar al-Iftaa. <https://www.daralifta.org/ar/fatawa/13136/%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%88%D8%B1%D9%83%D8%B3> (diakses pada 10 Oktober 2023).
- Arafa, A. (2023). Forex Trading Considered Forbidden in Egypt According to Dar Al Iftaa Fatwa. World Today News. <https://www.world-today-news.com/forex-trading-considered-forbidden-in-egypt-according-to-dar-al-iftaa-fatwa/> (diakses pada 20 May 2023).
- Desai, I. (n.d.). Forex Trading. Jamiatul Ulama. <https://jamiat.org.za/forextrading/> (diakses pada 19 May 2023).
- Kahf, Monzer. Fatawa Money, Currencies, Gold, Şarf 2000-2021. Monzer.Kahf.Com. http://monzer.kahf.com/fatawa/FATAWA_CURRENCIES_GOLD_COMMODITIES.pdf (diakses pada 20 May 2023).
- Khairuddin, A. (2016). Hukum jual beli forex atas talian. MUIS. <https://muis.org.my/2016/05/hukum-jual-beli-forex-atas-talian/> (diakses pada 22 May 2022).
- Maarefah.com. The ruling on trading in Forex. Al-Maarefah ad-Diraasat. <https://www.marefaah.com/2021/12/the-ruling-on-trading-in-forex-and-the-opinions-of-the-most-important-scholars-and-fatwa-institutions-in-islamic%20countries.html?m=1> (diakses pada 21 November 2023).
- Parmadita. (2013). Judi Menurut Islam: Menyoal Apakah Trading Forex Termasuk Judi? <https://www.seputarforex.com/artikel/judi-menurut-islam-menyual-apakah-trading-forex-termasuk-judi-123505-31> (diakses pada 28 September 2022).
- Sabri, Mohamad Fazli. (2017) Pengaruh forex terhadap pelajar IPT. Utusan Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/56177/> (diakses pada 21 May 2023).
- Usmani, Muhammad Taqi. (2007). Forex Currency Trading. Albalagh. https://www.albalagh.net/qa/Forex_currency_trading.shtml (diakses pada 31 Mac 2019).
- Vantage Fx Islamic Accounts. Vantage FX. <https://webtrader.vantageidn.com/trading/trading/accounts/Islamic/> (diakses pada 20 Mac 2018).
- Zakaria. Nurul Kasmadillawati. (2022). Hukum Forex Dalam Islam: Halal Atau Haram? Ilabur. <https://ilabur.com/hukum-forex-dalam-islam> (diakses pada 19 May 2023)
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023). Penjelasan Hukum Forex Trading. Soal Jawab Agama. <https://maktabahalbakri.com/1649-penjelasan-hukum-forex-trading/> (diakses pada 3 Jun 2023).

Tesis

- Alam, A. I. (2022). *Analisis Hukum Ekonomi Syariah Terhadap Trading Forex Pada Financial Broker Succes (FBS) Trader di Kota Manna. Bengkulu*. Tesis Diploma, UIN Fatmawati Sukarnol.
- al-Busaili, 'A. K. 'A. (2016). *Ahkam Aswaq Al-Umlat Al Ajnabiyyah fil Fiqah Al Islami*. Tesis Sarjana, Kuwait University.
- Angga, P. J. (2015). *Perlindungan Bagi Nasabah / Investor Dalam Transaksi Forex Dalam Talian Trading pada Perusahaan Pialang Berjangka*. Tesis Sarjana, Universitas Diponegoro.

- Dini, L. (2021). *Tinjauan Hukum Terhadap Trading Forex dalam Grafik Jual Beli Mata Uang Pada Aplikasi Olympttrade Perspektif Mazhab Syafi'i (Studi Kasus Kecamatan Bukit Tusam Kabupaten Aceh Tenggara)*. Medan. Tesis Sarjana, UIN Sumatera Utara.
- Ihwan, M. I. (2013). *Transaksi Foreign Exchange (Forex) Dalam Perspektif Hukum Islam*. Tesis Sarjana Muda. Universitas Muhammadiyah Malang.
- Kusnawati, D. O. (2023). *Tinjauan Yuridis Keabsahan Jual Beli Foreign Exchange (Forex) Trading Berdasarkan Peraturan Mahkamah Agung Nomor 2 Tahun 2008 Tentang Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah*. Tesis Sarjana, Universitas Pasundan.
- Lutfi, B. M. W. (2009). *Electronic Currency Trading, International Methods and Shariah Provisions*. Tesis Sarjana, College of Sharia and Islamic Studies, Yarmouk University.
- Mustaqim. (2014). *Identifikasi Yuridis Forex Trading dalam Perspektif Hukum Islam (Studi Pelaksanaan Transaksi Forex Trading di InstaForex)*, Semarang. Tesis. Universitas Negeri Semarang.
- Nisa, K. (2020). *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Bisnis Trading Forex Dengan Akad Sistem Online*. Tesis Diploma. UIN SMH BANTEN.
- Rukmana, F. I. (2022). *Aktivitas Trading Forex Perspektif Hadits Nabi (Analisis Sanad Hadits Dalam Fatwa Dewan Syariah Nasional Nomor 28/Dsn-Mui/Iii/2002 Tentang Jual Beli Mata Uang)*. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Udin, M. F. (2015). *Trading Forex Via Online Dalam Perspektif Hukum Ekonomi Syari'ah*. Tesis Sarjana, IAIN Tulungagung.
- Zainol, M. Z. (2012). *Urussiaga Matawang Asing Di Platform Forex Exchange Direct Dealer (FXDD): Satu Analisis Fiqh Dan Transaksi Undang-Undang Islam*. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.

Temu Bual

Shaharuddin, A. Pakar Kewangan Syariah. 10 November 2023.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.